

Ruj. : KPT.B(S)600-10/1 (11)



**SURAT PEKELILING KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
BIL. 01 TAHUN 2010**

**PELAKSANAAN DASAR BARU BANTUAN KEWANGAN
PELAJAR ORANG KURANG UPAYA (OKU) DI INSTITUSI
PENGAJIAN TINGGI TEMPATAN**

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklum dan menggariskan panduan mengenai dasar baru pemberian Bantuan Kewangan Pelajar OKU Institusi Pengajian Tinggi tempatan.

2. DEFINISI

Bagi tujuan pemakaian Surat Pekeliling ini,

“Orang Kurang Upaya (OKU)” berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang dari segi fizikal, mental, intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat;

“Institut Pengajian Tinggi (IPT)” dalam konteks bantuan kewangan ini adalah meliputi institusi pengajian tinggi yang diluluskan penubuhannya di bawah Akta mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti Malaysia (AUKU) atau berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi. Institusi latihan kemahiran yang menawarkan pengajian setaraf tetapi tidak berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi **tidak tertakluk** di bawah tafsiran ini.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Program Bantuan Kewangan Pelajar OKU IPT telah dilaksanakan oleh Kementerian Pengajian Tinggi mulai tahun 2005. Bantuan kewangan ini diberikan dalam bentuk wang saku atas kadar RM300 sebulan bagi semua kategori pelajar OKU di IPT yang mengikuti pengajian peringkat Diploma ke atas secara sepenuh masa di IPT tempatan.

3.2 Dalam tempoh pelaksanaan, pelajar OKU yang berjaya menjejakan kaki ke institusi pengajian tinggi bagi mengikuti pengajian peringkat tertiar semakin meningkat dan perkembangan ini adalah selaras dengan usaha Kerajaan untuk meningkatkan lagi akses pengajian tinggi kepada semua lapisan masyarakat termasuklah pelajar OKU.

3.4 Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui surat Kementerian Kewangan siri KK/BPB(6.01)202-4 Jd.9 s.k(5) bertarikh 9 Februari 2010 telah bersetuju untuk menimbangkan perluasan bantuan kewangan dalam bentuk bantuan yuran kepada pelajar OKU yang mengikuti pengajian peringkat tertiar samada secara sepenuh masa, jarak jauh atau dalam talian. Manakala pemberian wang saku masih lagi diteruskan bagi pelajar OKU secara sepenuh masa.

4. PELAKSANAAN

4.1 Dasar baru ini merangkumi perkara berikut :

- i. Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (sepenuh masa) **meliputi perbelanjaan bagi yuran pengajian dan wang saku** yang kedua-duanya diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian; dan
- ii. Bantuan kewangan pelajar OKU IPT tempatan (separuh masa/pengajian jarak jauh) diberi pada kadar tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 bagi sepanjang tempoh pengajian **meliputi perbelanjaan bagi yuran pengajian sahaja.**

4.2 Skop Pembiayaan

- i. Skop pembiayaan OKU adalah tertumpu kepada institusi yang terletak di bawah pengurusan dan kawalan Kementerian Pengajian Tinggi iaitu semua IPTA, IPTS, politeknik dan kolej komuniti sahaja.

- ii. Skop peringkat pengajian pula adalah tertakluk kepada tafsiran **pengajian tinggi (tertiari) iaitu peringkat diploma dan ke atas sahaja**. Walau bagaimanapun, kursus peringkat sijil jangka panjang di politeknik dan kolej komuniti yang di bawah tanggungjawab KPT boleh dipertimbangkan untuk bantuan kewangan OKU ini.
- iii. Pelajar OKU yang menuntut di institusi-institusi latihan bukan bertaraf IPT yang dikawal oleh kementerian-kementerian lain dan institusi-institusi pengajian tinggi luar negara adalah di luar skop pembiayaan.

4.3 **Tempoh Maksimum Pembiayaan**

- i. Sijil - 2 tahun (**Kolej Komuniti dan Politeknik sahaja**)
- ii. Diploma - 3 tahun
- iii. Sarjana Muda - 4 tahun
- iv. Diploma Lulusan Ijazah - 2 tahun
- v. Sarjana - 2 tahun
- vi. Ph.D - 4 tahun

4.4 **Syarat-Syarat Permohonan**

- i. Pelajar berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan telah mempunyai kad OKU;
- ii. Pelajar OKU yang menerima biasiswa atas dasar kurang upayanya tidak layak menerima bantuan kewangan ini. Walau bagaimanapun, pelajar OKU yang menerima pinjaman pelajaran atau biasiswa atas merit akademik layak menerima **elemen wang saku sahaja**;
- iii. Pelajar OKU hendaklah bukan dalam tempoh cuti belajar bergaji (penuh/sebahagian); dan
- iv. Kursus yang diikuti hendaklah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

4.5 **Kaedah Bayaran**

- i. **Pelajar Sepenuh Masa (wang saku dan yuran pengajian)**
 - a. Bantuan **meliputi wang saku dan yuran pengajian** yang kedua-duanya tidak melebihi RM5,000/setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian pada satu peringkat pengajian

(jika menerima pinjaman pelajaran atau pembiayaan sendiri sahaja). Penerima biasiswa pula hanya layak **wang saku** sahaja.

- b. Kadar bantuan adalah wang saku RM300/bulan dan bakinya adalah bantuan yuran tertakluk kepada RM5000 setahun bagi kedua-dua elemen. Sekiranya jumlah wang saku dan yuran pengajian tidak mencapai RM5000 setahun, lebihan tersebut tidak akan dibayar kepada pelajar dan tidak akan dibawa ke hadapan.
- c. Penetapan kadar bayaran adalah berdasarkan kepada tahun kalendar. Ini bermakna tempoh yang layak adalah bermula dari tuntutan pertama dibuat dalam dalam tahun semasa. Kelayakan anggaran wang saku dan yuran mengikut tempoh semester dalam tahun kalendar adalah seperti contoh berikut :

Contoh 1

Semester	Tempoh	Wang Saku	Yuran	Kelayakan	Baki
Sem 1	Jun-Nov 2010	RM1,800	RM1,400	RM3,200	RM1,800
Sem 2	Dis 2010 – Mei 2011	RM300*	RM1,400	RM1,700	RM100
Jumlah Kelayakan Tahun Semasa				RM4,900	RM100*

* Bayaran wang saku tidak melebihi tahun semasa. Baki RM100 pada akhir tahun tidak boleh dituntut pelajar.

Contoh 2

Semester	Tempoh	Wang Saku	Yuran	Kelayakan	Baki
Sem 1	Jan-Apr 2010	RM1,200	RM1,000	RM2,200	RM2,800
Sem 2	Mei- Ogos 2010	RM1,200	RM1,000	RM2,200	RM600
Sem 3	Sept – Dis 2010	RM600	RM0	RM600	RM0
Jumlah Kelayakan Tahun Semasa				RM5,000	RM0

- d. Walau bagaimanapun, pelajar boleh **memilih samada untuk bantuan bagi kedua-dua elemen bayaran atau yuran pengajian sahaja dalam tahun tersebut**. Jika memilih yuran pengajian sahaja dan masih terdapat lebihan dalam tahun

tersebut, ianya (lebih) akan dimasukkan ke akaun pelajar pada akhir tahun.

ii. **Pelajar Separuh Masa/Jarak Jauh (yuran pengajian sahaja) :**

- Bantuan tidak melebihi RM5,000 setahun atau RM20,000 sepanjang tempoh pengajian pada satu peringkat pengajian tertakluk kepada RM5,000 setahun (jika menerima pinjaman pelajaran atau pembiayaan sendiri sahaja). Penerima biasiswa termasuk yuran pengajian tidak layak menerima bantuan ini.

iii. Bayaran **yuran pengajian** akan dibuat terus kepada IPT berkenaan pada setiap semester tertakluk kepada invoice lengkap yang diterima; dan

iv. Bayaran akan dibuat berdasarkan **tarikh tuntutan semasa dan tidak akan dikebelakangkan**. Tuntutan untuk **semester yang telah berlalu** adalah **tidak dibenarkan**.

5. PERMOHONAN/TUNTUTAN

5.1 Permohonan bantuan wang saku dan yuran bagi pelajar OKU IPT boleh dibuat terus kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) **melalui dan disahkan oleh Pegawai Biasiswa / Pegawai Hal Ehwal Pelajar di institusi pengajian masing-masing**. Dokumen permohonan boleh dikemukakan ke alamat seperti di para 7.2 atau menerusi email di alamat bkoku@mohe.gov.my. Penghantaran menerusi email bagi dokumen melibatkan tandatangan hendaklah diimbis "scan" terlebih dahulu.

5.2 Permohonan bantuan wang saku dan yuran pengajian pelajar OKU hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Biasiswa, KPT **tidak lewat dari 30 hari pertama pada setiap semester bermula**.

5.3 Dokumen-dokumen hendaklah mengandungi perkara berikut:

- a. Salinan Kad Pengenalan Pelajar;
- b. Salinan Kad Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM);
- c. Salinan Kad Pendaftaran / Pelajar;
- d. Salinan surat tawaran pengajian;
- e. Salinan buku akaun **CIMB Bank sahaja (bagi pemohon baru)**;

- f. Borang Pendaftaran Bantuan Kewangan Pelajar Orang Kurang Upaya (OKU) (untuk tuntutan kali pertama sahaja) – rujuk **Borang KPT/B/OKU-Reg1.10**;
- g. Borang Tuntutan Bantuan Wang Saku Pelajar OKU IPT - rujuk **KPT/B/OKU-ws v1.10**;
- h. Borang Tuntutan Bantuan Yuran Pengajian Pelajar OKU IPT – rujuk **KPT/B/OKU-yrn-1.10**,
- i. Invois asal yuran pengajian semester semasa (dikeluarkan institusi pengajian);
- j. Salinan keputusan peperiksaan terkini (bagi pelajar sedia ada).

*** Nota:**

- *Item (a) – (i) adalah untuk permohonan kali pertama sahaja.*
- *Tuntutan pelajar sedia ada atau berikutnya bagi setiap pelajar OKU sepenuh masa memadai dengan item (g) – (j) sahaja. Pelajar OKU separuh masa memadai item (h) – (j) sahaja.*
- *Bagi pelajar ijazah lanjutan dalam mod penyelidikan, keputusan peperiksaan boleh digantikan dengan surat pengesahan pengajian dari universiti pada setiap semester.*

5.3 Bayaran bantuan wang saku akan dimasukkan terus ke akaun pelajar. Manakala bayaran bantuan yuran pengajian akan dimasukkan terus ke akaun institusi pengajian.

6. TARIKH KUATKUASA

Pelaksanaan dasar baru ini berkuatkuasa **mulai 01 April 2010** bagi pelajar yang memulakan semester baru pada dan selepas tarikh tersebut. Pelajar yang sedang menjalani semester sebelum tarikh ini tidak layak menuntut elemen yuran pengajian. Walau bagaimanapun, semua tuntutan adalah tertakluk kepada had peruntukan tahunan yang diluluskan oleh Kerajaan.

7. AM


7.1 Maklumat pembiayaan dan borang-borang berkaitan bantuan kewangan ini boleh didapati menerusi URL berikut :

www.portal.mohe.gov.my/biasiswa/oku-ipt

7.2 Jika terdapat sebarang kemusykilan mengenai pelaksanaan dasar baru Bantuan Kewangan Pelajar OKU IPT ini, sila hubungi :

Setiausaha
Bahagian Biasiswa
Kementerian Pengajian Tinggi
Aras 4, Blok 1, Menara PJH, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 Putrajaya.
(u.p.: Unit Pinjaman dan Bantuan Kewangan)
Tel. : 03-8884 4600
Faks : 03-8884 4701
Email : bkoku@mohe.gov.my

"MENERAJU KEGEMILANGAN ILMU"



(DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengajian Tinggi

16 April 2010

s.k. :

- i. Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Tinggi
- ii. Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Politeknik
- iii. Ketua Pengarah, Jabatan Pengajian Kolej Komuniti
- iv. Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan IPTA, JPT
- v. Timbalan Ketua Pengarah, Pengurusan IPTS, JPT
- vi. Semua Ketua Jabatan/Bahagian KPT